

Malaysia bekalkan air ke Singapura 'sampai kiamat' — PM

Oleh WAN HASNAN HASAN dan JAAFAR AHMAD

15 FEB 2003

JOHOR BAHRU 14 Feb. — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad memberi jaminan kepada Singapura bahawa Malaysia akan membekalkan air kepada republik itu "sampai kiamat".

Bagaimanapun menurut Perdana Menteri, bekalan air yang bakal dibekalkan kepada negara itu kelak bukanlah dalam bentuk air mentah seperti sekarang sebaliknya dalam bentuk air yang sudah dirawat pada harga yang berpatutan.

"Tidaklah perlu kita bekalkan air mentah kepada mereka kerana kita juga sudah belajar bagaimana tapis air dan kita mampu tapis air. Kita akan bekalkan air yang sudah ditapis kepada Singapura sehingga kiamat.

"Kita hanya minta mereka membayar pada harga yang munasabah tetapi mereka seolah

sengaja melewatkan rundingan sehingga perjanjian 2011 tamat," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita pada sidang akhbar selepas melancarkan Majlis Muhibah Bersama Rakyat sempena Pecah Tanah Projek Gerbang Selatan Bersepadu dan Projek Perumahan Rakyat di sini hari ini.

Menurut Dr. Mahathir, Singapura berharap dengan melewatkan rundingan itu mereka tidak perlu membayar lebih mulai sekarang hingga perjanjian itu tamat pada 2011.

"Tapi kalau mereka selesaikan (rundingan) sekarang bermakna mereka kena bayar tapi kita akan minta mereka untuk membayar bayaran perbezaan itu," tegas beliau.

Perdana Menteri berkata, ketika ini Malaysia menjual air kepada Singapura dengan kadar 3 sen untuk 1,000 gelen tetapi pada

■ Lihat muka 4

Malaysia bekalkan air ke Singapura 'sampai kiamat'

— PM
15 FEB 2003

masa yang sama air dijual kepada Melaka dengan harga 30 sen untuk 1,000 gelen.

"Tetapi Melaka ialah sebahagian daripada Malaysia, jadi macam mana kita jual kepada mereka dengan harga tiga sen.

"Kita nak mereka bayar pada harga yang berpatutan dan mereka akan dapat air, tak payahlah guna sumber lain nanti orang tak termakan," tambah beliau.

Mengikut perjanjian 1961, Singapura boleh mendapat 80 juta gelen air sehari dari kawasan tadahan Pulau, Sungai Tebrat dan Sungai Skudai di Johor sehingga 31 Ogos 2011 manakala perjanjian 1962 pula membenarkan Singapura mendapatkan 50 juta gelen sehari dari Sungai Johor sehingga 28 September 2061.

Sahabat

Dr. Mahathir berkata, sebagai negara berjiran, Malaysia sentiasa menganggap Singapura bukan sahaja sebagai sahabat dan kawan yang baik malah sebagai jiran yang merdeka dan perlu dihormati.

"Kita kawan, kita sahabat, dia sebuah negara merdeka, kita hormati kemerdekaan mereka, kita mahu jadi jiran yang baik," katanya.

Perdana Menteri berkata, pendekatan peperangan yang disuarakan oleh sesetengah pihak bukan merupakan cara yang terbaik untuk menyelesaikan soal air itu.